

## Terma dan syarat

- Istilah Umum

Dalam terma dan syarat ini, ungkapan berikut mempunyai erti yang berikut:

- “Pelanggan” atau “anda” merupakan orang yang membuat tempahan di laman web.
  - “theaqiqah.com” atau “kami” merujuk kepada **LEGIT ASIA SDN BHD (SYARIKAT NO. 1237440-H)** merupakan penjual produk di theaqiqah.com online.
  - “tempahan” merujuk kepada tempahan yang dibuat untuk membeli produk dari laman web theaqiqah.com .
  - “produk” merujuk kepada apa yang theaqiqah.com tawarkan untuk tujuan pembelian secara atas talian.
  - “terma dan syarat” merujuk kepada kandungan yang terdapat dalam terma dan syarat termasuk perubahan, pindaan atau penambahan dari masa ke semasa.
- Perkhidmatan yang ditawarkan
    - Theaqiqah.com menawarkan servis kambing hidup, kambing mentah (siap disembelih), livegrill (golek), aqiqah bermasak dan juga servis mengolek kambing import sejuk beku, siap sembelih, lapah dan perkhidmatan pernghantaran.

- Theaqiqah.com tidak menawarkan selain daripada di atas seperti catering dan sewa khemah.

- Terma Timbangan Berat

Segala tempahan pelanggan untuk aqiqah dan kambing hidup akan mengikut berat seperti yang telah dinyatakan di laman web.

- Terma harga

- Semua mata wang adalah untuk MYR (Ringgit Malaysia).
- Theaqiqah.com akan memastikan segala harga, yang dipaparkan adalah tepat mengikut masa ke semasa tetapi theaqiqah.com berhak untuk membuat pindaan ke atas perubahan harga tanpa sebarang notis.
- Segala harga yang dipaparkan adalah mengikut harga pasaran.

- Jaminan

- Theaqiqah.com akan berusaha untuk memastikan bahawa pembelian secara atas talian dengan theaqiqah.com adalah mudah dan selamat.
- Theaqiqah.com tidak akan menjual atau mengagihkan maklumat yang anda berikan kepada theaqiqah.com kepada mana-mana syarikat, organisasi atau individu.
- Segala produk theaqiqah.com adalah mengikut standard kualiti.

- Terma Pembayaran

Theaqqah.com menerima pembayaran melalui bank secara manual atau perbankan atas talian. Proses akan berjalan setelah bayaran diterima oleh theaqqah.com sepenuhnya. Jika anda ingin memesan menggunakan kaedah pembayaran yang lain, sila hubungi theaqqah.com.

- Terma Penghantaran

- Theaqqah.com hanya menyediakan penghantaran sekitar lembah klang sahaja.
- Theaqqah.com berhak untuk memberhentikan penghantaran jika terdapat sebarang keraguan ke atas maklumat yang diterima atau masalah dalam proses pembayaran tanpa notis.

- Pembatalan Tempahan

Setiap pembatalan tempahan perlulah dilakukan dua hari (2) waktu bekerja sebelum tarikh penyembelihan dilakukan. Jika pelanggan tidak dapat mematuhi syarat, caj sebanyak sepuluh per-sen (10%) akan ditolak dari duit deposit yang telah dibayar.

- Bayaran Balik
  - Pelanggan perlulah melampirkan maklumat seperti nama pelanggan, nombor kad pengenalan, nama bank dan nama pemegang bank untuk memudahkan theaqqah.com untuk membuat pembayaran.
  - Proses pembayaran akan dilakukan mengikut jenis pembayaran seperti dibawah :
    - Kad Kredit (5-15 hari bekerja)
    - Cod / online banking (5-7 hari bekerja)
    - Pay pal (24-48 hari bekerja)
  
- Pengesahan Tempahan
  - Bagi mencegah penipuan penggunaan maklumat bil dan maklumat peribadi, theaqqah.com akan mengesahkan nama, alamat dan maklumat lain yang dibekalkan semasa proses tempahan terhadap rekod boleh didapati secara komersial (contohnya data Daftar pemilih) dan / atau melalui syarikat- syarikat pihak ketiga.
  - Theaqqah.com mungkin menghubungi anda melalui telefon, atau e-mel untuk mengesahkan butiran sebelum pihak kami boleh untuk menghantar tempahan anda atau theaqqah.com mungkin tidak dapat untuk menerima tempahan anda.
  
- Penolakan Tempahan

Pihak theaqiqah.com berhak untuk menolak sebarang tempahan yang tidak menepati atau mengikuti syarat dan tempahan yang berada diluar liputan kawasan penghantaran.

- Tempoh Pesanan

Tempahan kambing hidup, mentah, golek dan bermasak perlu dilakukan selewatnya dua (2) hari waktu bekerja sebelum tarikh penghantaran. Jika tempahan dibuat kurang dari waktu ini, pelanggan akan dikenakan caj tambahan bergantung kepada kesulitan oleh pihak theaqiqah.com untuk memenuhi tempahan.

- Jenis Kambing

- Meskipun kambing dan biri- biri yang ditawarkan adalah seperti yang diiklankan, disebabkan kambing dan biri-biri mempunyai jenis tertentu, pihak theaqiqah.com akan menentukan jenis yang sesuai mengikut tempahan yang telah dibuat.
- Kesemua kambing dan biri-biri yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi dan tempoh matang untuk diaqiqahkan.

- Terma Aqiqah

- Pelanggan perlulah memberi maklumat seperti nama bayi, tarikh lahir untuk pihak theaqiqah.com melaksanakan kerja-kerja penyembelihan di kandang.

- Penyembelihan akan dilakukan oleh penyembelih yang bertauliah atau pihak ketiga dengan niat “sembelih wakil”. Penyertaan penyembelihan dari pihak pelanggan haruslah mendapat kebenaran dari pihak theaqiqah.com.
- Syarat akad aqiqah haruslah melalui wakil niat kepada theaqiqah.com.

- Soalan dan Komen

Jika anda tidak berpuas hati dengan apa-apa aspek perkhidmatan atas talian theaqiqah.com atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau komen yang berkaitan dengan suatu perintah secara online, sila emailkan kepada theaqiqah.com dan pihak theaqiqah.com akan mengambil tindakan untuk memperbaharui agar dapat membantu dan memuaskan kehendak anda dari masa ke semasa.

- Kegiatan yang dilarang di Laman Web

Anda tidak boleh menggunakan laman web ini untuk apa-apa perkara yang menyalahi undang-undang atau dengan apa-apa cara yang dilarang dibawah terma dan syarat ini. Anda juga tidak boleh menggunakan laman web ini dalam apa-apa cara yang boleh memberi kesan buruk kepada fungsi laman web ini atau penggunaannya oleh orang lain.

- Terma dengan Penggunaan Laman Web

- Semua maklumat di laman web ini, adalah bertujuan untuk panduan

sahaja. Laman web ini sentiasa dikemaskini. Produk dan harga tertakluk kepada perubahan pasaran, promosi dan lain-lain tanpa sebarang notis dikeluarkan.

- Theaqqah.com sahaja yang mempunyai hak cipta dalam semua bahan-bahan di laman web ini.

- Hyperlink

Laman web ini mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga. Theaqqah.com tidak mengawal atau menyokong laman web pihak ketiga ini atau sebarang barang atau perkhidmatan yang dijual dilaman web tersebut. Sesetengah laman web ini mungkin mengandungi bahan yang tidak menyenangkan, menyalahi undang-undang atau tidak tepat. Anda perlu mengakui dan bersetuju bahawa theaqqah.com tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan atau bahan lain di laman web pihak ketiga ini

- Pindaan Terma dan Syarat

- Theaqqah.com berhak untuk membuat sebarang pindaan pada bila-bila masa dan sebarang perubahan akan dibuat tanpa sebarang notis kepada pelanggan. Pihak theaqqah.com mencadangkan supaya para pelanggan untuk sentiasa membaca terma dan syarat sebelum membuat sebarang pembelian.

- Untuk pembelian atau/ dan penggunaan perkhidmatan kami selepas pindaan dilakukan, anda dianggap telah bersetuju untuk menerima

terma yang telah dipinda. Jika anda tidak bersetuju dengan terma dan syarat yang baru, kami mencadangkan supaya berhenti menggunakan laman web kami atau/ dan perkhidmatan kami.